

PERANAN FOTOGRAFI DALAM PENULISAN

Oleh: Abd Raai bin Osman

Pusat Komunikasi Korporat, Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengenalan:

Fotografi berkaitan rapat dengan penulisan. Penulisan berita, rencana baik dalam mana-mana media tidak dapat dipisahkan dengan fotografi. Fotografi pegun (still) lebih relevan dalam penulisan di akhbar, buku, majalah dan laman web serta blog. Tanpa gambar penulisan akan jadi suram dan tidak menarik. Justeru menghasil dan memilih gambar yang bermutu dan sesuai perlu menjadi keutamaan kepada pengarang dan penyunting.

Fotografi yang bermutu:

Gambar yang bermutu harus datang dari karya yang berbakat dan berkreaitif. Peralatan yang canggih tidak menjamin kualiti. Oleh itu menghasil gambar yang bermutu hendaklah mengikut ciri-ciri yang terdapat dalam elemen komposisi. Maka, seorang penilai (penulis, penyunting) harus memahami teknik ini agar gambar yang dipilih memenuhi kehendak komposisi.

- Fotografi seperti juga penulisan, penghasilan gaya dan teknik merakam harus menarik perhatian penatapnya agar mampu memberi perhatian kepada pembaca.
- Gambar muka depan majalah (cover photo) harus datang dari gambar yang cantik. Ia umpama pengenalan dalam perenggan pertama sesuatu penulisan. Manakala gambar yang berkaitan tulisan perlu mengikut kehendak penulisnya.
- Penghasilan gambar untuk jurnal perlu dihasilkan mengikut kehendak artikel yang berkaitan. Malahan ada penerbitan yang menolak beberapa kali gambar yang dihantar kerana tidak menepati kehendak jurnal itu.
- Penghasilan gambar ada waktunya direka (imaginasi) penulis karya tersebut. Namun ada gambar-gambar disesuaikan dengan tulisan tersebut.
- Terdapat gambar yang boleh diedit, di super impose dengan perisian editorial dalam komputer. Namun harus tidak terlalu 100%. Paling tidak dalam 15% sudah memadai. Kerana gambar harus direka dengan baik sebelum di rakam.
- Protokol tidak harus diketepikan dalam menyusun gambar. Misalnya dalam menyusun carta organisasi, namun gaya penghasilan gambar boleh dibuat mengikut keperluan semasa.

PERANAN FOTOGRAFI DALAM PENULISAN

Komposisi dalam fotografi:

Komposisi adalah cara letak gambar, cara menyusun subjek dalam gambar serta menempatkan mana yang penting dan mana yang tidak penting.

- *Centre of Interest*: Meletakkan objek utama pada gambar pemandangan
- *Titik pandang*: Meletakkan subjek yang boleh menjadi tumpuan pertama apabila melihat sesuatu gambar.
- *Scale and Depth*: Hasilkan gambar yang mempunyai teknik Depth of field.
- *Geometry*: Gambar-gambar yang mempunyai teknik geometry. Gambar-gambar untuk ini banyak dilakukan pada fotografi senibina.
- Sudut *Vertical* (melintang) dan *Horizontal* (menegak): Teknik ini perlu digubah agar gambar boleh menceritakan sesuatu perkara dengan sempurna.
- *Rule of Thirt*: Kedudukan subjek yang susun atur dengan betul.
- *Latar belakang*: Satu ciri yang amat penting agar gambar tersebut nampak logik
- *Latar depan*: Dalam menghasilkan gambar berseni harus diutamakan latar depan.
- *Garisan*: Satu ciri yang tidak dapat dikesan oleh orang lain, tetapi ia akan nampak menawan jika garisan diambil kira.
- *Tekstur dan warna*: Terhasil dari teknik penghasilan gambar yang betul. Tidak kabur pada bahagian yang penting.
- *Bayang*: Fotografi sains perlu mengelak penghasilan bayang kerana ia akan mengelirukan. Namun dalam fotografi seni (art) bayang amat baik jika dapat dihasilkan secara seni.
- *Perspektif*: Ciri-ciri yang mampu menunjukkan jarak jika merakam gambar pemandangan.
- *Pengukuran*: Fotografi sains, pengukuran perlu dititik beratkan pada spesimen di makmal.
- *Panning*: Gambar sukan hendaklah menggunakan teknik yang menarik agar gambar menarik.

PERANAN FOTOGRAFI DALAM PENULISAN

Etika menghasil dan memilih gambar:

- Jangan rakam gambar ketika kedudukan tidak sesuai seperti menguap, mengunyah, organ seseorang berubah seperti mulut herot, mata pejam dan sebagainya.
- Jangan rakam gambar VIP, orang dalam majlis jamuan sedang menyuap makanan.
- Aksi manusia yang kurang sopan.
- Merakam gambar ketika orang sedang berucap sedangkan mikrofon menghalang mulut atau muka.
- Elakkan merakam gambar yang boleh memberikan iklan percuma kepada jenama tertentu.
- Permis yang menjadi hak larangan jangan dirakam kecuali mendapat kebenaran.
- Rakaman gambar individu harus mendapat kebenaran. Misalnya wajah wanita, kanak-kanak, wargamas. Ia mungkin terjebak dengan kes saman di mahkamah.
- Gambar-gambar kemalangan negeri harus dielakkan.
- Gambar-gambar untuk pendidikan harus ada teknik merahsiakan identitinya. Misalnya merakam gambar ketika pesakit dibedah, maka wajahnya hendaklah disembunyikan.
- Wajah Orang Kena Tuduh (OKT) wajib dirahsiakan.

Fotografi adalah Lukisan Menerusi Cahaya. Oleh itu karya perlu terhasil dari karya yang mampu berfikir sebelum terhasil. Pepatah seribu perkataan boleh dihasilkan menerusi sekeping gambar. Gambar harus mempunyai nilai-nilai penceritaan yang mantap. Kerana penulisan yang baik, berpengetahuan akan lebih digemari jika penampilan gambar yang bermutu dan mampu menghasilkan sebutan *uump* oleh pembaca. Lihat majalah terkenal bagaimana mutu gambar-gambarnya. Gambar yang dihasilkan oleh saintis lebih bermakna kerana subjek yang dihasilkan beliau lebih mengenali spesimennya. Gambar yang dihasilkan oleh petani profesional lebih mantap kerana beliau lebih faham habitat tumbuhan tersebut.

Pemilik laman sesawang: www.alamsenifoto.com dan <http://www.raaiosman.blogspot.com>